

“The first draft is black and white,
editing gives the story color.”

- Emma Hill -

Kelestarian penerbit universiti merupakan isu yang selalu diperkatakan. Penerbit universiti berkait rapat dengan universiti masing-masing kerana mereka menjadi sayap yang memegang tanggungjawab sebagai penerbit bahan rujukan sama ada bersifat ilmiah atau genre penerbitan lain. Setiap penerbit universiti lazimnya mempunyai dasar yang berbeza-beza kerana ia bergantung pada niche atau keperluan universiti di Malaysia. Dasar dan penstrukturan penerbitan ini akan menjadi garis panduan utama tentang apa yang boleh diterbitkan atau tidak dapat diterbitkan.

Dalam penerbitan buku kompilasi yang menekankan pengalaman penerbit universiti ini, terdapat beberapa perkara dan sudut pandang yang dilihat oleh para penulis yang mewakili kebanyakan penerbit di universiti. Kupasan berkaitan peranan penerbit universiti serta kitaran penerbitan, falsafah, hala tuju dan tanggungjawab penerbit universiti turut dikongsikan dalam buku ini. Selain itu, buku ini turut mengupas isu cabaran sumber manusia yang dihadapi oleh penerbit universiti termasuk cabaran perolehan manuskrip, sistem pengurusan manuskrip yang efisien, peranan dan tanggungjawab *commissioning editor*, serta strategi dalam mempelbagaikan bentuk penerbitan.

Penerbitan buku ini memberi manfaat kepada semua penerbit universiti di Malaysia bagi meneruskan kelestarian penerbitan di universiti dengan cara yang dipandu oleh dasar serta peraturan universiti masing-masing.

Kelestarian Penerbit Universiti: Cabaran Masa Kini

Hariza Mohd Yusof • Adam Wong Abdullah • Noor Lide Abu Kassim
Editor

Editor

Hariza Mohd Yusof • Adam Wong Abdullah • Noor Lide Abu Kassim

Kelestarian Penerbit Universiti

Cabaran Masa Kini



Kelestarian
Penerbit
Universiti

Kelestarian Penerbit Universiti Cabaran Masa Kini

Editor

Hariza Mohd Yusof • Adam Wong Abdullah • Noor Lide Abu Kassim



PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA

KUALA LUMPUR • 2024



IIUM
Press

Terbitan bersama oleh:

**Penerbit Universiti Sains
Islam Malaysia**
Universiti Sains Islam
Malaysia
Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan

Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
www.umpress.com.my

**Penerbit Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia**
Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia
Jalan Gombak, Gombak
53100 Kuala Lumpur

DOI: 10.14425/9789674883614

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (*MABOPA*) No. 196906
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, Penerbit Universiti Malaya & Penerbit Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia, 2024

Semua hak terpelihara.
Tiada mana-mana bahagian jua
daripada penerbitan ini
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperoleh semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekali pun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau lain-lain tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-488-361-4

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

KANDUNGAN



<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>xi</i>
Penerbitan Lestari untuk Penerbit Universiti	1
<i>Adam Wong Abdullah dan Norashikin Wahid</i>	
Falsafah, Hala Tuju dan Tanggungjawab Penerbit Universiti	13
<i>Noor Lide Abu Kassim, Maswa Mokhti, Siti Haida Mohd Ishak, Munirah Mohd Rozlan dan Norfarhana Morad</i>	
Tadbir Urus dan Sumber Manusia Penerbit Universiti Awam	25
<i>Rabil Sitta Abdul Rahman dan Zurina Mansor</i>	
Cabaran Mengurus Manuskrip di Penerbit Universiti	43
<i>Hariza Mohd Yusof</i>	
Cabaran dalam Perolehan Manuskrip	55
<i>Dilah Tuah dan Malia Taibi</i>	
Sistem E-Manuskrip: Transisi Perolehan Manuskrip Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia	63
<i>Muhammad Zunnurain Razali, Aimie Johari, Nadzirah Yahya, Nur Hafizah Abu Bakar dan Muhammad Khair Abd Razak</i>	

Peranan dan Tanggungjawab <i>Commissioning Editor</i>: Pengalaman USM Popular	73
<i>Jannatun Hidayah Umar dan Mohd Yusri Kamaruddin</i>	
Strategi USIM Mempelbagaikan Bentuk Penerbitan sebagai Usaha ke Arah Kelestarian Penerbitan Buku	83
<i>Noor Adibah Mohamad, Khairunnajwa Mohd Tahet, dan Mohamad Zulhilmi Mohd Nazar</i>	
Penerbitan dan Pemasaran Buku pada Era Pascanormal	97
<i>Sakri Abdullah dan Mohd Zulkanien Sarbini</i>	
Memperkasa Pemasaran dalam Talian untuk Penerbitan Ilmiah di Malaysia Melalui Platform <i>Marketplace</i>	111
<i>Mohd Zaidi Abdullah, Mohd Yusri Kamaruddin dan Zulkifli Musa</i>	
Kelestarian Penerbit Universiti di Malaysia: Penjanaan Kewangan Penerbit UiTM	123
<i>Ghazali Daimin, Diana Semaon, Nor Suziwana Tahir, Nur Farabiyah Shamsudin dan Siti Maheran Mohd Faudzi</i>	
<i>Biodata Editor dan Senarai Penyumbang</i>	<i>135</i>
<i>Indeks</i>	<i>141</i>

SENARAI RAJAH DAN JADUAL



Rajah 1.1:	Kitaran penerbitan	3
Rajah 3.1:	Insentif penerbitan buku dengan Penerbit UMT	29
Rajah 3.2:	Data penerbitan Penerbit UMT dari tahun 2020 hingga tahun 2022	29
Rajah 3.3:	Skop fungsi dan bidang tugas Pegawai Penerbitan	37
Rajah 3.4:	Kaedah pemasaran dan jualan oleh Penerbit UMT	39
Rajah 6.1:	Proses penyerahan manuskrip melalui sistem e-Manuskrip	67
Rajah 7.1:	Struktur organisasi USM Popular	74
Rajah 7.2:	Proses penerbitan USM Popular	77
Rajah 7.3:	Contoh perancangan judul tahunan	78
Rajah 8.1:	Proses penerbitan buku di Penerbit USIM	85
Rajah 8.2:	E-buku Penerbit USIM di eSentral	89
Rajah 8.3:	Bilangan e-buku mengikut tahun dan bahasa	91
Rajah 8.4:	Siri-siri artikel yang telah dijadikan podcast dan dimuat naik dalam laman web USIM Podcast	94

KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

Jadual 3.1:	Bilangan staf Penerbit UniSZA mengikut bahagian	30
Jadual 3.2:	Bilangan staf Penerbit UMT mengikut seksyen	32
Jadual 3.3:	Penerbitan Jurnal UMT mengikut jumlah isu dan artikel	34
Jadual 3.4:	Senarai Buku Dasar Penerbitan UMT dari tahun 2006 hingga 2021	35
Jadual 3.5:	Kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pemilihan Pegawai Penerbitan (N) atau Pegawai Tadbir (N) di sebuah penerbit universiti awam	36
Jadual 4.1:	Jumlah staf penerbit universiti di Malaysia	49
Jadual 4.2:	Bilangan pegawai penerbitan penerbit universiti di Malaysia	50
Jadual 4.3:	Jumlah pegawai penerbitan penerbit universiti di Malaysia	50
Jadual 6.1:	Jumlah penerbitan buku Penerbit UKM dari tahun 2020 hingga 2022	65
Jadual 9.1:	Statistik penerbitan e-buku	98

PRAKATA



Penerbitan buku ini merupakan usaha bersama tiga universiti iaitu Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Penerbit Universiti Malaya (UM) dan Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kerjasama penerbitan ini adalah untuk melihat ruang, cabaran, masalah dan perkongsian pengalaman para pentadbir yang berada dalam kelompok pentadbiran penerbitan di penerbit universiti dalam tugas yang rencam. Para editor, pereka letak, pembaca pruf, pentadbir, dan pengarah atau ketua penerbit antara mereka yang terlibat dalam usaha ruang lingkup untuk menerbitkan buku di penerbit masing-masing. Kelestarian penerbit merupakan gembleran yang berada dalam kitaran mereka ini. Sesebuah buku tidak akan berjaya diterbitkan sekiranya tidak ada kelompok yang menangani manuskrip mentah sehingga menjadi sebuah buku yang cantik untuk dipegang dan diperdagangkan mengikut tema yang dipilih.

Kebanyakan penerbit universiti terutamanya universiti awam bernaung di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang ditubuhkan pada 1997. MAPIM menjadi penyatu kepada para penerbit ini bagi mendapatkan kewangan, menjalankan pelbagai aktiviti perbukuan seperti pesta buku, bekerjasama dalam menerokai pasaran antarabangsa dan juga berkongsi ilmu dalam arena perbukuan. MAPIM menjadi nadi penggerak kepada para penerbit kecil dan besar bergabung untuk sama-sama mencitrakan dan meletakkan penerbitan ilmiah di tempat yang sewajarnya.

KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

Pihak editor mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penulis yang telah memberikan komitmen untuk sama-sama berkongsi ruang dan pengalaman dalam bidang penerbitan bagi direncani bersama oleh para pembaca. Terima kasih juga kepada pengurusan tiga universiti yang bekerjasama untuk menerbitkan buku ini. Tidak lupa urus setia yang berada di belakang tabir, Cik Noor Adibah dan Puan Ainnatun Nadrah (Penerbit USIM) yang menggerakkan projek ini sedari awal lagi. Kami mengharapkan ia memberi manfaat kepada semua penerbit universiti di Malaysia bagi meneruskan kelestarian penerbitan di universiti dengan cara yang dipandu oleh dasar serta peraturan universiti masing-masing.

The first draft is black and white, editing gives the story color.

-Emma Hill-

Editor

Hariza Mohd Yusof

Adam Wong Abdullah

Noor Lide Abu Kassim

PENDAHULUAN



Kelestarian penerbit universiti merupakan isu yang selalu diperkatakan. Penerbit universiti berkait rapat dengan universiti masing-masing kerana mereka menjadi sayap yang memegang tanggungjawab sebagai penerbit bahan rujukan sama ada bersifat ilmiah atau genre penerbitan lain. Setiap penerbit universiti lazimnya mempunyai dasar yang berbeza-beza kerana ia bergantung pada *niche* atau keperluan universiti di Malaysia. Dasar dan penstrukturan penerbitan ini akan menjadi garis panduan utama tentang apa yang boleh diterbitkan atau tidak dapat diterbitkan.

University presses are publishers. At the most basic level that means they perform the same tasks as any other publisher. University presses acquire, develop, design, produce, market and sell books and journals, just like Random House or Sage. But while commercial publishers focus on making money by publishing for popular audiences, the university press's mission is to publish work of scholarly, intellectual, or creative merit, often for a small audience of specialists or a regional community of interest.

(Sumber: About University Presses - Association of University Presses [aupresses.org])

Dalam penerbitan buku kompilasi yang menekankan pengalaman penerbit universiti ini, ada beberapa perkara dan sudut pandang yang

KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

dilihat oleh para penulis yang mewakili kebanyakan penerbit di universiti. Walaupun penerbit universiti berpayung di bawah MAPIM, ia tidak dapat “memayungi” permasalahan yang pelbagai kerana kekangan autoriti yang tidak ada. MAPIM hanya persatuan yang memayungi kerjasama antara ahli penerbit supaya proses pembelajaran dan kerjasama dapat terus dijalankan.

Artikel yang berkongsi tentang pengalaman Penerbit UM, iaitu antara penerbit tertua dalam kalangan penerbit universiti mengupas bagaimana penerbitan lestari untuk penerbit universiti. Kelestarian ini dilihat melalui beberapa aspek seperti keperluan untuk memahami peranan penerbit universiti serta kitaran penerbitan yang berlalu di setiap penerbit universiti. Isu penjana kewangan bagi mengekalkan kelestarian penerbit turut diulas.

Bagi melihat kelestarian penerbit universiti juga, bab yang melihat dari sudut pandang falsafah, hala tuju dan juga tanggungjawab penerbit universiti dihuraikan dalam bab kedua. Keterikatan dalam medan tanggungjawab ini mengekang keupayaan penerbit universiti berdasarkan pengalaman penerbit Universti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) terhadap penghasilan jumlah buku yang diterbitkan. Masalah ini turut melibatkan kewangan yang menyebabkan agak sukar untuk penerbit bergerak jauh dan masalah ini kebanyakannya dilalui oleh para penerbit universiti.

Cabaran sumber manusia oleh Penerbit UNISZA serta Penerbit UMT turut dibincangkan dalam bab ini apabila penerbit berhadapan dengan kekangan sumber manusia dibandingkan dengan sasaran jumlah dan kualiti penerbitan. Perkara ini turut dikupas secara rinci oleh Penerbit USIM berdasarkan pemerhatian dan pengalaman masing-masing.

Perolehan manuskrip yang menumpukan kepada genre ilmiah serta akademik memberikan cabaran yang besar kepada penerbit universiti bukan sahaja disebabkan perolehan manuskrip tetapi juga sumber manusia yang akan menangani bahan tersebut. Kupasan artikel oleh penulis melihat bagaimana perimbangan antara sumber manusia di penerbit universiti kurang diberikan perhatian berbanding dengan jumlah penerbitan yang disasarkan. Sesetengah penerbit mempunyai kapasiti kumpulan editor yang besar dan mampu memberi fokus kepada perolehan manuskrip, membuat suntingan dengan teliti dan rinci, membina jaringan dan sebagainya. Bagi penerbit yang kecil, dan staf yang terhad peranan ini dimainkan oleh orang yang sama. Walaupun ia bukan boleh dijadikan alasan untuk tidak menjalankan tugas dengan teliti, bebanan dan kekangan yang banyak ini menjadikan editor yang mempunyai pelbagai fungsi seperti editor

PENDAHULUAN

perolehan, editor projek, editor substantif, editor naskah dan juga pembaca prof; peranannya dimainkan oleh mereka yang sama. Ia dikendalikan oleh orang-orang yang sama. Pertindihan kerja yang berlaku memberikan impak kepada kualiti buku yang dihasilkan.

Penerbit UNIMAS contohnya melihat cabaran perolehan manuskrip merupakan perkara yang harus dihadapi dalam meneruskan penerbitan ilmiah di UNIMAS. Dalam dunia penerbitan buku ilmiah, kelangsungan bagi sesebuah rumah penerbitan banyak bergantung kepada manuskrip yang diterima khususnya daripada para sarjana universiti. Bahagian ini membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rumah penerbitan universiti dalam pemerolehan manuskrip yang bermutu dan menarik untuk diterbitkan.

Antara masalah utama penerbit universiti ialah ketiadaan sistem pengurusan manuskrip yang efisien yang dapat mempercepatkan proses penerbitan di setiap penerbit. Kebanyakan proses ini diuruskan secara manual dan isu ini dibincangkan oleh Penerbit UKM yang berkongsi pengalaman berkenaan sistem e-manuskrip yang telah mereka berjaya bangunkan. Pembangunan sistem ini ternyata memberikan impak yang positif kepada jumlah penerbitan mereka dan juga cara pengurusan manuskrip dapat ditingkatkan ke arah lebih baik.

Salah satu topik yang menarik yang dikupas dalam buku ini ialah berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab *commissioning editor* berdasarkan pengalaman USM Popular. Kupasan mengenai editor yang berada dalam skop kerja ini jarang didebatkan kerana kerap kali kerja-kerja editor bertindan dengan kepelbagaian nama tetapi ada yang sama fungsinya dan topik ini amat jarang diketengahkan sebagai satu isu utama.

Artikel seterusnya menyorot pengalaman Penerbit USIM dalam mempelbagaikan bentuk penerbitan sebagai usaha ke arah kelestarian penerbitan buku. Usaha yang dibuat ini bagi memastikan jumlah dan kualiti penerbitan berada pada landasan yang sama dan ia mungkin berlainan dengan penerbit lain. Cabaran menerbitkan buku bukan sahaja berdepan dengan masalah kewangan tetapi juga berdepan dengan keperluan menerbitkan buku yang kurang nilai pasaran tetapi mempunyai nilai ilmu yang tinggi. Cabaran lain ada dirincikan dalam artikel ini.

Penulisan daripada ITBM menukilkan berkenaan cabaran apabila tercetusnya kejadian tidak pernah dijangka seperti penularan virus COVID-19 yang telah menonjolkan era yang disebut sebagai era pascanormal. Era pascanormal inilah yang akan menjadi kebiasaan atau normal pada masa mendatang. Antara kesan yang terpaksa dilalui oleh

kebanyakan penerbit ketika itu ialah jualan buku fizikal terus merudum dan ia menjadi fenomena sejagat. Pada masa yang sama, kadar penerbitan buku juga semakin mengecil termasuklah di Malaysia.

Seterusnya Penerbit USM melihat potensi pemasaran dalam talian sebagai salah satu platform dalam perkembangan revolusi industri sekarang. Artikel ini melihat potensi besar yang boleh digunakan oleh MAPIM sekiranya perlu mewujudkan platform yang sesuai kerana *online marketplace* mempunyai sasaran pembaca yang tersendiri. Tetapi perancangan ke arah ini berdepan dengan cabaran yang besar memandangkan setiap penerbit universiti diuruskan dengan cara yang berbeza.

Buku akademik merupakan produk yang “kurang popular”, jadi bagi mengekalkan momentum dan cabaran ini, Penerbit UiTM melihat strategi pemasaran memainkan peranan penting ke arah ini. Penulisan ini telah mengupas secara menyeluruh strategi pemasaran yang diguna pakai oleh Penerbit UiTM bagi memastikan kelestarian penerbit universiti di Malaysia. Perbincangan berkenaan strategi pemasaran turut dihuraikan merangkumi aspek mengenal pasti sasaran yang tepat untuk penerbitan buku, mengaplikasikan empat bauran pemasaran (4P), memastikan kumpulan mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh organisasi dan melihat arah aliran buku yang terkini.

BIODATA EDITOR DAN SENARAI PENYUMBANG



Biodata Editor

Hariza Mohd Yusof kini bertugas sebagai Pengarah Penerbit di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sejak tahun 2003. Pernah mengikuti Sijil Pentadbiran dalam program *Global Executives Workshop* di Michigan State University. Juga aktif sebagai penulis buku biografi dan karya-karya kreatif lain seperti anekdot, pantun dan puisi. Dilantik sebagai penasihat bagi penggubalan dasar penerbitan universiti-universiti dan penasihat bagi tambah baik dasar buku negara.

Adam Wong Abdullah merupakan Pengarah, Penerbit Universiti Malaya. Beliau telah berkecimpung dalam industri penerbitan, percetakan dan reka bentuk tempatan dan antarabangsa selama 52 tahun. Beliau memiliki dan menguruskan syarikat penerbitannya sendiri dan mempunyai pengetahuan praktikal tentang industri perbukuan.

Noor Lide Abu Kassim merupakan Pengarah, Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga merupakan Profesor di *Kulliyah of Education*, UIAM. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Fasalaha (PhD) dalam bidang Pendidikan (Psikometrik dan Penilaian Pendidikan), USM. Penulis buku *The Rasch Model for Psychometric Testing, Rater-mediated Assessment and Standard Setting*.

Senarai Penyumbang

Norashikin Wahid menyandang jawatan sebagai Pegawai Penerbitan di Penerbit Universiti Malaya. Beliau berpengalaman dalam bidang editorial dan penerbitan selama 18 tahun. Beliau sudah menerbitkan beberapa artikel ilmiah termasuk penulisan bab dalam buku yang memfokuskan topik dalam bidang komunikasi seperti media sosial, pengiklanan dan pemasaran Islamik. Penulis beberapa buah buku karya kreatif dan motivasi. Beliau berkelulusan Sarjana Komunikasi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Maswa Mokhti merupakan Timbalan Pengarah, Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau berkhidmat di Pejabat Penerbit UIAM bermula tahun 2023 sebagai Timbalan Pengarah Pentadbiran. Beliau sentiasa mengikuti latihan dan perbincangan perbukuan anjuran Penerbit UIAM bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang perbukuan dan proses yang terlibat.

Norfarhana Morad kini bertugas sebagai Penolong Pengarah, Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Mula berkhidmat di Penerbit UIAM pada tahun 2012. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau telah terlibat secara langsung dalam aktiviti berkaitan kerja editorial, penyuntingan, reka bentuk, *formatting* dan juga proses percetakan buku. Beliau menerima latihan dalam bidang penerbitan dengan menyertai kursus-kursus serta latihan sambil bekerja.

Siti Haida Mohd Ishak memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah, Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau merupakan bekas guru Bahasa Inggeris di Pusat Asasi UIAM selama dua tahun dan mula berkhidmat di Penerbit UIAM pada Mac 2023. Beliau mengendalikan proses penerbitan buku serta dipertanggungjawabkan sebagai penyunting bahasa dalaman. Sepanjang berkhidmat di Penerbit UIAM, beliau menerima latihan dan menghadiri kursus serta seminar berkaitan perbukuan dan penerbitan bagi mendalami bidang tersebut selain mempertingkatkan kemahiran.

Munirah Mohd Rozlan merupakan Penolong Pengarah, Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Menyertai Penerbit UIAM sejak Oktober 2023, beliau sebelum itu berkhidmat selama enam tahun dalam pelbagai bidang di sektor swasta dan awam. Selain

BIODATA EDITOR DAN SENARAI PENYUMBANG

bertanggungjawab menguruskan perolehan dan semakan manuskrip, beliau juga aktif menyertai bengkel berkaitan penerbitan, perbukuan, dan penulisan.

Rabil Sitta Abdul Rahman berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah, Penerbit Universiti Malaysia Terengganu. Beliau berkecimpung dalam pengurusan industri penerbitan korporat dan ilmiah peringkat tempatan dan kebangsaan selama 25 tahun. Beliau mempunyai pengetahuan praktikal dalam industri pembukuan di samping terlibat sebagai penulis dalam dunia penulisan kreatif.

Zurina Mansor merupakan Timbalan Pengarah, Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. Beliau berkecimpung dalam bidang penerbitan ilmiah selama 16 tahun. Selain menjalankan kerja-kerja penyuntingan dan penyemakan pruf, beliau juga diundang untuk mengendalikan bengkel-bengkel berkaitan penerbitan ilmiah di UniSZA.

Dilah Tuah kini di UNIMAS bertugas sebagai Dekan, Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Bahasa dan Kesusteraan Melayu serta Dialektologi. Beliau merupakan penulis prolific yang pernah memenangi beberapa anugerah termasuk Hadiah Sastera Penulis Sarawak 2018/2019 dan juga merupakan pensyarah kanan Program Linguistik di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi.

Malia Taib memegang jawatan sebagai Pengarah, UNIMAS Publisher. Beliau mempunyai pengalaman bekerja sebagai wartawan dan editor di akhbar tempatan di Sarawak selama 13 tahun sebelum menceburi bidang akademik. Beliau juga merupakan pensyarah kanan Program Komunikasi Strategik di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.

Muhammad Zunnurain Razali merupakan Pegawai Penerbitan di Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau berkelulusan Sarjana Muda Kesusasteraan (Pengajian Bahasa Melayu) di UKM.

Aimie Johari bertugas sebagai Pegawai Penerbitan Kanan di Penerbit UKM. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan pengkhususan dalam bidang sastera dari Universiti of Missouri, St. Louis, USA dan sarjana dalam Bahasa Inggeris (MA) dari Universiti Putra Malaysia. Beliau pernah memenangi Anugerah 'Editor Naskhah Terbaik'

untuk bidang Sains Sosial & Kemanusiaan anjuran Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) pada tahun 2009 dan Anugerah 'Reka Bentuk Buku Terbaik' untuk Anugerah MAPIM-KPT kali ke-13 pada tahun 2021.

Nadzirah Yahya merupakan Pegawai Penerbitan di Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi di UKM.

Nur Hafizah Abu Bakar memegang jawatan sebagai Pegawai Penerbitan di Penerbit UKM, UKM. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi Sistem Rangkaian di Malaysian Institute of Information Technology, UniKL.

Muhammad Khair Abd Razak kini bertugas sebagai Pegawai Penerbitan di Penerbit UKM. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Bahasa Inggeris dan Sarjana Bahasa Inggeris di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jannatun Hidayah Umar merupakan Pegawai Penerbitan Kanan di Penerbit Universiti Sains Malaysia. Beliau memulakan perkhidmatannya sebagai editor naskhah di Bahagian Perolehan dan Editorial sejak tahun 2004. Kini, beliau terus mengorak langkah dengan menggalas tugas sebagai *commissioning editor* sejak Bahagian Penerbitan Popular ditubuhkan pada tahun 2022. Beliau berpengalaman mengendalikan tugas penyuntingan naskhah dalam pelbagai bidang, serta tugas-tugas pentadbiran penerbitan yang lain.

Mohd Yusri Kamaruddin merupakan Timbalan Pengarah Penerbitan dan Ketua Bahagian Penerbitan Popular di Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang; dan Pengerusi Jawatankuasa Pemasaran Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang penerbitan dan mengendalikan pelbagai tugas daripada editorial, pengeluaran, penerbitan elektronik dan pemasaran buku. Beliau juga berpengalaman dalam pemasaran buku pada peringkat dalam dan luar negara. Antara pencapaian utama beliau adalah berjaya membina hubungan niaga dengan Shopee, Lazada, Trajectory, Overdrive, Google Books, KOBO dan Barnes and Noble.

Noor Adibah Mohamad merupakan Pegawai Penerbitan Kanan di Penerbit USIM dan kepakaran beliau dalam bidang penyuntingan, penerbitan dan rundingan hak cipta buku.

BIODATA EDITOR DAN SENARAI PENYUMBANG

Khairunnajwa Mohd Tahet menyandang jawatan sebagai Pegawai Penerbitan Kanan di Penerbit USIM dan kepakaran beliau dalam bidang penyuntingan, penerbitan, rundingan hak cipta buku dan pengurusan eBook.

Mohamad Zulhilmi Mohd Nazar bertanggungjawab sebagai Penolong Pendaftar di Penerbit USIM dan kepakaran beliau dalam Pengurusan jurnal, Pengendalian *Open Journal System* dan Penerbitan Podcast.

Sakri bin Abdullah merupakan Ketua Pegawai Eksekutif ITBM dan kepakaran beliau dalam bidang penerbitan dan penterjemahan.

Mohd Zulkani Sarbini merupakan Eksekutif Muda di ITBM dan kepakaran beliau dalam bidang penerbitan.

Mohd Zaidi Abdullah menggalas tugas sebagai Ketua Pegawai Penerbitan/ Ketua Bahagian Pemasaran. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang Pemasaran Buku Ilmiah, Moderator dan Hos Program.

Zulkifli bin Musa merupakan Pegawai Penerbitan di Penerbit USM dan mempunyai kepakaran dalam bidang penyuntingan/ penerbitan/ penulisan artikel.

Ghazali Hj. Daimin adalah Mantan Pengarah, Penerbit UiTM. Beliau merupakan Profesor di Kolej Pengajian Seni Kreatif. Beliau aktif dalam penulisan buku akademik dan menerbitkan sebanyak 17 buah buku sejak tahun 2006. Pernah merangkul Anugerah Buku Negara sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2016 dan 2022.

Nor Suziwana Binti Tahir merupakan Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Shah Alam. Beliau merupakan pensyarah di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Shah Alam selama 23 tahun. Minat kajian beliau dalam bidang tanggungjawab sosial, bidang etika kerja Islam, etika perniagaan, pengurusan dan pentadbiran, tadbir urus korporat, indeks keselamatan sempadan negara, indeks keselamatan kebangsaan dan indeks integriti Malaysia.

Nur Farabiyah Shamsudin kini bertugas sebagai Timbalan Pengarah (Penerbitan), Penerbit UiTM. Beliau mula melibatkan diri dalam industri penerbitan Penerbit UiTM sejak tahun 2006.

KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

Diana Semaon memegang jawatan sebagai Penolong Pendaftar Kanan (Penerbitan), Penerbit UiTM. Beliau terlibat dalam industri penerbitan sejak tahun 2005. Bermula dengan 10 tahun dalam industri penerbitan genre kreatif dan popular di sektor swasta, dan 9 tahun pengalaman bersama Penerbit UiTM dengan genre penerbitan ilmiah.

Maheran Mohd Faudzi bertugas sebagai Kerani Kanan, Penerbit UiTM (Bahagian Pemasaran). Beliau telah berkecimpung dalam industri penerbitan desktop, percetakan, reka bentuk dan pemasaran buku selama 17 tahun.

INDEKS



- bengkel penerbitan 28, 64
Boot Camp 39
buku audio 91, 92, 93, 94
- cadangan judul 75
commissioning 74-81, 138
- Dana Penerbitan Buku (DPB) 65
- e-Manuskrip 63-67, 70, 71
- freelancer 74
- garis masa penerbitan 76
genre 47, 48, 74-76, 88, 90, 125, 140
- hak cipta 75, 77, 84, 93, 138, 139
harga buku 9, 46, 76, 100
- Institut Terjemahan Buku Negara (ITBM) 44
interpersonal 36, 79
ISBN 35, 76
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 36
jaringan perhubungan 79
- kajian pasaran 4, 75, 77, 79
karyawan gig 74, 76, 77, 79, 80
kebolehpasaran 48, 73
kecerdasan buatan (artificial intelligence atau AI) 104
kehilangan manuskrip 65, 67, 71
kelestarian penerbit universiti 132
keusahawanan 75
kitaran penerbitan 3
kolaboratif 75
komunikasi 3, 67, 79, 103, 126, 128, 130, 136
kontrak 33, 48, 52, 77, 79
kos penerbitan 77, 78, 85, 104
- Malaysian Citation Centre (MCC) 55, 61
MAPIM 26, 28, 38, 39, 44, 45, 51, 83, 90, 116-120, 126, 138

KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

- networking 79
- Open Journal System (OJS) 40
- outsourcing 74
- panduan 26, 34, 35, 52, 64, 76, 96
- pascanormal 100, 102, 104-108
- pasukan kerja 75-79
- pegawai penerbitan 36-38, 50, 51, 64-70, 74
- penerbitan ilmiah 1, 8, 26, 27, 35, 41, 44-46, 54-56, 61, 83, 116, 137, 140
- Penerbit UIAM 35, 136
- Penerbit UiTM 123-127, 129-132, 139, 140
- Penerbit UKM 51, 63-69, 71, 72, 137, 138
- Penerbit UM 28, 31, 35, 41
- Penerbit UMT 27-29, 31-35, 38-41
- Penerbit UniSZA 26, 30, 31, 33-35, 39, 41
- Penerbit USIM 41, 83-86, 89-92, 95, 96, 138, 139
- Penerbit USM 28, 31, 41, 51, 73, 74, 76, 77, 90, 139
- penilaian 5, 25, 27, 36, 46, 68-70, 75, 76, 103, 129
- perancangan kerja 78
- perekodan 65, 66, 68
- perisian 80, 88
- perjanjian 76, 90, 92
- perolehan 30, 45, 47, 51, 52, 56, 63-66, 70, 74, 75, 116, 137
- perolehan judul 75
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 98
- pesta buku 38, 39, 79, 116, 126
- Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 26, 38, 40, 116
- podcast 92-94, 96
- proaktif 75, 79, 125
- profit and loss 76
- proposal 76
- prof 36, 46, 51, 53, 76, 104, 137
- publishing program 76
- Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) 65
- realiti maya (virtual reality, VR) 104
- realiti terimbuh (augmented reality atau AR) 104
- reka letak 47, 53, 77, 104
- royalti 26, 77, 78, 104
- ScholarOne 40
- sebut harga cetak 76
- Semakan kualiti 76
- Separa Popular 68-70
- Sidang Pengarang Universiti (SPU) 68, 69
- sistem pengumpulan manuskrip berpusat 65
- spesifikasi 47, 64, 76
- standard penerbitan 74, 75, 77, 79, 80
- tarif 78
- Tesis kepada Buku (T2B) 68
- U
- UNIMAS Publisher 56, 137
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 64, 84, 137, 138
- universiti penyelidikan 64